

07 DEC 2000

E-Dagang

DR MAHATHIR LANCAR PROJEK E-DAGANG PADA SABTU

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan projek berasaskan teknologi maklumat baru oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (DSMM) esok.

Projek yang dinamakan "e-Dagang DSMM" itu akan membolehkan jabatan itu menyediakan perkhidmatan lebih baik kepada orang ramai untuk mengakses, membeli, dan memperolehi data digital terutama mengenai maklumat ukur daripada jabatan berkenaan melalui Internet.

Ketua Pengarah DSMM Datuk Hamid Ali berkata projek itu merupakan satu daripada projek-projek pemodenan yang dijalankan bagi memudahkan perancangan dan pelaksanaan pembangunan tanah.

"Sebagai jabatan kerajaan pertama yang memperkenalkan e-Dagang di Malaysia, DSMM sedia menawarkan pembelian secara maya kepada orang ramai," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Hamid berkata penyebaran data digital kepada pengguna melalui penggunaan e-Dagang yang pertama seumpamanya oleh sesebuah agensi kerajaan adalah selaras dengan konsep kerajaan elektronik (e-Kerajaan).

Selain memudahkan pemerolehan maklumat tanpa perlu mengunjungi jabatan itu, beliau berkata orang ramai juga boleh menggunakan kad kredit untuk membuat pembayaran atau perkhidmatan pra-bayar melalui Internet.

"Bagi pengguna yang memilih untuk tidak membuat transaksi menggunakan kad kredit, kami menyediakan perkhidmatan pra bayar dengan pengguna mendeposit RM200 di mana-mana kaunter DSMM sebelum pembelian produk melalui internet," katanya.

Hamid berkata pada masa ini terdapat dua jenis produk yang boleh diperolehi melalui internet - Data Digital Cadastral (DCD) dan "Raster Image of Certified Plan (CP)".

DSMM yang ditubuhkan pada 1885 ialah antara jabatan kerajaan tertua di negara ini.

-- BERNAMA

NHA AZZ LAT MAI